

14/07/2001

Cukai korporat wajar pada 26 peratus

INSTITUT Akauntan Malaysia (MIA) mencadangkan supaya kadar cukai korporat dikurangkan kepada 26 peratus daripada 28 peratus yang sedia ada bagi menggalakkan pelaburan baru.

MIA berkata, pengurangan itu akan meningkatkan daya saing negara sebagai destinasi pelaburan antarabangsa, iaitu faktor penting bagi negara bersaing merebut dana dan pelaburan global yang terhad.

Menurutnya, tuntutan elaun pelaburan semula juga perlu dibenarkan secara berterusan selagi ia digunakan untuk pemodenan, pengembangan dan pelbagaian kilang dan industri.

MIA berkata demikian dalam memorandum yang dikemukakan kepada sesi kedua Dialog Belanjawan 2002 yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, semalam.

Institut itu turut mencadangkan pemotongan cukai berganda diberi kepada syarikat pembuatan yang berpangkalan di Malaysia bagi kos produk perantara nilai di tambah diluluskan yang digunakan.

Selain itu, MIA juga mencadangkan supaya syarikat di negara ini diberikan pemotongan cukai berganda bagi perbelanjaan mewujudkan dan mengendalikan laman web korporat atau perniagaan.

"Langkah itu akan menggalakkan syarikat Malaysia untuk menerokai e-dagang di samping meningkatkan tahap penyertaan syarikat tempatan di Internet," kata institut itu.

(END)